

Jom, Hias Bilik! (Tadika 1 Buku Besar 7 'Mari Cari Putih')

Gambaran Keseluruhan:

Menggunakan aktiviti kraf untuk memperkenalkan perkakas atau perabot rumah kepada kanak-kanak.

Matlamat Pembelajaran:

1. mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
2. membina kemahiran asas bahasa dan literasi

Objektif Pengajaran:

Kanak-kanak akan berpeluang untuk:

1. mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti 'Jom, Hias Bilik!'
2. memahami arahan guru semasa melakukan aktiviti 'Jom, Hias Bilik!' tentang perkakas rumah

#1 Memilih aktiviti kraf yang sesuai dan menyiapkan bahan-bahan

- Guru memastikan aktiviti kraf yang dipilih berkaitan dengan tema.
- Guru menyiapkan bahan-bahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti kraf.



Guru boleh menyediakan gambar-gambar perkakas atau perabot rumah yang diambil daripada majalah atau surat khabar atau iklan.

#2 Menunjukkan sampel kraf yang ingin dihasilkan dan menyebut perkataan-perkataan baharu


- Guru menunjukkan dan menyebutkan gambar-gambar perkakas atau perabot rumah yang akan digunakan untuk menghias bilik.
- Guru mengajak kanak-kanak mengulang perkataan-perkataan baharu.



Guru menunjukkan sampel kraf.

#3 Memberikan bahan-bahan yang telah disiapkan


- Guru memberikan kotak terpakai kepada setiap kumpulan.
- Guru meminta setiap kumpulan untuk memilih gambar-gambar perkakas atau perabot rumah yang diingini oleh kanak-kanak dalam bilik mereka.
- Guru menggalakkan kanak-kanak untuk melekatkan gambar-gambar tersebut di dalam kotak.



Kanak-kanak mula membuat kraf.

#4 Menggalakkan kanak-kanak untuk berkongsi kraf yang telah dihasilkan

- Guru meminta kanak-kanak untuk memikirkan perkara yang boleh dilakukan di dalam bilik itu.
- Guru menggunakan teknik penyoalan dialogik untuk merangsang perbualan kanak-kanak.
- Guru mengajak kanak-kanak menceritakan sebab gambar-gambar tersebut dipilih.



Guru mengajak kanak-kanak untuk berkongsi kraf yang telah dihasilkan.